



## **KENYATAAN MEDIA**

### **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **KEMPEN CABUTAN SIRI WOW! SUPERHEROES SIMPAN SSPN, TAWAR HADIAH LUMAYAN RM100,000**

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berperanan dalam memupuk amalan menabung melalui produk Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN). Justeru, PTPTN mengajak ibu bapa sebagai *hero* kepada anak-anak bersama-sama memupuk budaya penabungan bermula seawal usia menerusi Kempen Cabutan Siri WOW! Superheroes 2024.
2. Melalui kempen ini, PTPTN menawarkan hadiah lumayan iaitu wang tunai keseluruhan berjumlah RM100,000 untuk 181 orang pemenang. Hadiah utama berjumlah RM10,000 untuk 1 pemenang dan hadiah saguhati berjumlah RM500 untuk setiap 180 pemenang. Kempen ini terbuka kepada semua pendeposit Simpan SSPN iaitu Simpan SSPN Prime dan Simpan SSPN Plus. Tempoh kempen bermula 1 September 2024 sehingga 31 Oktober 2024.
3. Untuk menyertai kempen ini, pendeposit hanya perlu membuka akaun atau membuat penambahan simpanan dalam tempoh kempen. Setiap simpanan bersih RM50 bagi Simpan SSPN Prime akan mendapat satu (1) cabutan, manakala bagi setiap simpanan bersih RM50 bagi Simpan SSPN Plus layak mendapat dua (2) cabutan secara automatik. Menariknya, kelebihan cabutan berganda juga diberikan kepada pengguna aplikasi myPTPTN. Pendeposit Simpan SSPN Prime yang membuat simpanan bersih RM50 melalui myPTPTN atau melalui potongan gaji atau debit terus, akan mendapat lima (5) cabutan. Manakala pendeposit Simpan SSPN Plus yang membuat simpanan bersih RM50 melalui myPTPTN atau melalui potongan gaji atau debit terus pula akan mendapat sepuluh (10) cabutan.

4. Ketua Eksekutif PTPTN, Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid berkata, “Ibu bapa yang menabung seawal usia anak adalah *superhero* kerana mereka merupakan individu yang bertanggungjawab menyediakan sumber kewangan dan perancang utama untuk masa depan anak-anak termasuk mendidik anak mengenai pengurusan kewangan. Kekallah menjadi *superhero* sepanjang masa untuk masa depan anak dengan membuat perancangan kewangan di awal usia bagi memastikan generasi masa hadapan mereka mendapat pendidikan sempurna”.

5. “Pendeposit bakal menikmati pelbagai keistimewaan dan manfaat menerusi Simpan SSPN selain berpeluang untuk memenangi hadiah yang lumayan sepanjang menyertai kempen ini. Simpan SSPN merupakan satu-satunya produk simpanan yang menawarkan pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan bersih sehingga RM8,000 setahun, memberikan perlindungan takaful ke atas pendeposit, Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak, dividen yang kompetitif, simpanan yang dijamin Kerajaan dan patuh syariah,” tambah beliau lagi.

6. Sehingga 31 Julai 2024, jumlah deposit Simpan SSPN yang diterima adalah berjumlah RM18.7 bilion dengan bilangan akaun sebanyak 6.5 juta. Pembukaan akaun atau penambahan simpanan boleh dibuat secara dalam talian melalui aplikasi myPTPTN dengan lebih mudah, cepat dan selamat. Layari portal rasmi PTPTN di [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my) untuk maklumat lanjut.